http://www.andrewchoo.edu.my

02/1
Bahasa Melayu / P
Kertas 1
Ogos 2011
1 JAM

BAHASA MELAYU

Tingkatan 3

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan.**
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A,B,C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

© 2011 Hak Cipta MPSM Pahang

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 1 - 7
Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.**

1 Pada setiap bulan, budak itu _____ wang lebihan perbelanjaan sekolahnya ke dalam Bank Simpanan Nasional.
A menabung
B mengumpul
C menyerahkan
D menyumbangkan

2 Jawatankuasa pemilihan akan _____ kelulusan dan pengalaman seseorang sebelum membuat sesuatu keputusan.
A melihat
B menyiasat
C meneliti
D menyelidiki

3 Pelantikannya sebagai ketua telah _____ beliau mengambil langkah mengubah dasar persatuan itu.
A memastikan
B mewajarkan
C mewajibkan
D menentukan

4 Setelah menerima anugerah itu, Encik Mokhzani _____ beberapa langkah sebagai tanda hormat sebelum meninggalkan pentas itu.
A susut
B kusut
C kecut
D surut

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



5 Amir terlalu asyik melihat wau yang sedang _____ di udara.
A terayun-ayun
B terolang-aling
C terbuai-buai
D terlayang-layang

6 Amira membaca _____ pada halaman kedua buku itu untuk mengetahui amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang.
A prasyarat
B prabicara
C prakata
D prawacana

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah ini.

7 Ketua pasukan bola sepak itu sedang _____ piala yang baru dimenangi oleh mereka dalam kejohanan itu.

A menjunjung
B mengangkat
C menatang
D menjulang

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu telah ditanda dengan **A, B** dan **C**. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

8 Menteri luar-menteri luar (A) sedang berbincang tentang (B) masalah kegawatan ekonomi yang timbul (C) kesan daripada serangan Tentera Bersekutu terhadap Libya. Tiada kesalahan. (D)

9 Bagi meningkatkan (A) pencapaian dalam (B) pelajaran, kita perlulah berusaha dengan lebih gigih sejak dari (C) sekarang. Tiada kesalahan. (D)

10 Ikutilah (A) segala peraturan-peraturan (B) demi melicinkan (C) kerja. Tiada kesalahan. (D)

11 Dalam majlis itu sultan telah mencemar duli (A) apabila baginda berkenan (B) untuk santap (C) bersama-sama dengan rakyat jelata. Tiada kesalahan. (D)

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

12 Puan Doris sentiasa berulang-alik (A) antara Ipoh dengan (B) Pulau Pinang di atas (C) urusan perniagaannya. Tiada kesalahan. (D)

13 Baju sutera batik (A) yang baru dibelinya itu mahal sangat (B) dan tidak mampu untuk dipakai oleh orang kebanyakan (C). Tiada kesalahan. (D)

14 Akhir-akhir (A) ini ayah jarang (B) berlatih kerana tidak mahu lagi bergiat cergas dalam (C) bidang sukan. Tiada kesalahan. (D)

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.**

15 I Rumah kediaman bapa Busu duduknya di hujung suatu lorong.
II Sekarang bapa saya duduk sebagai pengetua sekolah.
III Sudah bertahun-tahun mereka duduk di rumah itu.
IV Sewaktu saya ke kelas tambahan, ibu duduk menjahit.

A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

16 I Kejernihan majlis itu bergantung pada kebijaksanaan pengacaranya.
II Dia mengganggu kejernihan suasana perbincangan kumpulan itu.
III Kejernihan fikiran dan kedamaian hati memudahkannya menyelesaikan masalah itu.
IV Kejernihan air tasik itu dapat memberikan ketenangan pada jiwanya yang kusut itu.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

17 I Bunyi letupan yang kuat itu memecahkan kesunyian pada waktu malam di kawasan perkampungan itu.
II Hasil daripada perbincangan tersebut, mereka dapat memecahkan masalah yang sukar itu.
III Jurulatih itu menyuruh pelatihnya memecahkan kepada beberapa kumpulan.
IV Kita harus membanteras golongan yang cuba memecahkan perpaduan kita.

A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 18 – 21
Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa dan **mungkin juga tidak.**

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan.**

18 Tiap usaha yang kita lakukan hendaklah dibuat dengan bersungguh-sungguh.

A Tiap usaha yang dilakukan oleh kita
B Tiap-tiap usaha yang kita lakukan
C Setiap usaha yang dilakukan oleh kita
D Tiap usaha yang kita lakukan

19 Banyak orang tidak suka dengan sikap pegawai yang sombong itu.

A tidak suka pada sikap
B tidak sukakan sikap
C tidak suka akan sikap
D tidak suka dengan sikap

20 Untuk memperolehi rezeki yang banyak, kita perlu berani mencuba

A Untuk memperoleh rezeki yang banyak
B Untuk memperolehi banyak rezeki
C Untuk banyak memperolehi rezeki
D Untuk memperolehi rezeki yang banyak

21 Amalan saling mengunjungi dapat mempererat hubungan antara jiran

A saling kunjung-mengunjungi dapat mempereratkan
B saling kunjung-mengunjungi dapat mempererat
C kunjung-mengunjungi dapat mempereratkan
D saling mengunjungi dapat mempererat

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal.**

22 **Jasanya kepada masyarakat setempat tidak dapat dinafikan lagi oleh sesiapa pun kerana beliau telah mengorbankan sebahagian daripada hartanya untuk membiayai pembinaan rumah orang-orang tua.**

A Masyarakat tempatan akan tetap mengingatinya kerana beliau seorang yang telah mengorbankan sebahagian daripada hartanya untuk orang-orang tua.

B Penduduk di tempat itu tidak boleh menyangkal khidmat baktinya menggunakan sebahagian daripada hartanya untuk membantu orang-orang tua.

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

C Sumbangannya kepada masyarakat setempat tidak dapat disangkal lagi atas kesanggupannya menggunakan sebahagian daripada hartanya untuk kebajikan orang-orang tua.

D Jasanya kepada masyarakat setempat tidak dapat diabaikan kerana beliau telah berkorban sebahagian daripada hartanya untuk kepentingan orang-orang tua.

23 **Kepesatan pembangunan dan kestabilan ekonomi negara telah menggalakkan rakyat asing menetap di Malaysia.**

A Ekonomi negara yang mantap dan stabil telah menarik lebih banyak warganegara asing datang menetap di Malaysia.

B Ekonomi yang stabil dan pembangunan yang pesat telah menarik minat warganegara asing tinggal di Malaysia.

C Rakyat luar negara akan menetap di Malaysia kerana kepesatan pembangunan dan keutuhan ekonominya.

D Banyak rakyat negara luar datang ke Malaysia kerana kepesatan pembangunan dan kestabilan ekonominya.

24 **Kealpaan masyarakat untuk menjaga kebersihan alam sekitar telah menimbulkan masalah pencemaran yang semakin serius pada hari ini.**

A Pada hari ini keadaan alam sekitar yang tercemar menyebabkan masyarakat hidup dalam suasana yang tidak selesa.

B Oleh sebab sikap masyarakat kita yang tidak menghargai alam sekitar telah mendatangkan kesan negatif pada hari ini.

C Alam sekitar pada hari ini semakin tercemar dan menyebabkan keadaan sekeliling kita tidak bersih.

D Pencemaran alam yang serius kini berpunca daripada sikap kita sendiri yang mengabaikan kebersihan sekitar.

Soalan 25 – 27
Pilih ayat-ayat yang **betul.**

25 I Surat yang ditulis oleh saya telah dihantar semalam.
II Budak itu mengakui akan kesalahannya kerana merosakkan harta benda sekolah.
III Kehidupan yang penuh dengan dugaan dan cabaran telah mengajar kami supaya lebih berani dan tabah.
IV Kami sekeluarga hanya beristirahat di rumah pada hujung minggu ini.

A II sahaja
B I dan II sahaja
C III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

26 I Penyanyi itu telah memperdengarkan nyanyiannya kepada penonton di dewan itu.
II Apakah perasaan ibu jika suruhannya dibuat tidak endah sahaja oleh anaknya?
III Hubungan di antara Malaysia dan negara-negara lain di dunia sangat kukuh.
IV Bungkusan yang dikirimkan abang itu saya belum buka lagi.

A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

27 I Dedaun kering bertaburan di halaman rumah.
II Adik saya menangisi kematian kucing kesayangannya yang dibeli di Taiwan itu.
III Baju berwarna merah jambu yang dibeli oleh saya itu mahal sangat.
IV Puan Aisyah yakin bahawa anaknya akan pulang berhari raya pada tahun ini.

A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

Soalan 28 – 30
Pilih **peribahasa** atau **maksud peribahasa** yang **paling sesuai.**

28 Naqib : Saya mendapat tahu bahawa Kum Man yang dahulunya lemah dalam pelajaran telah dapat membaiki kelemahannya itu. Bolehkan saudara terangkan kepada saya rahsia kejayaannya itu?

Adam : Memang Kum Man dahulunya lemah dalam pelajaran. Namun begitu, setiap hari dia diberi tunjuk ajar oleh guru dan ibu bapanya tanpa mengenal jemu. Akhirnya dia telah maju dalam pelajarannya itu.

Berdasarkan dialog, keadaan Kun Man dapat disesuaikan dengan peribahasa

A rajin dan usaha tangga kejayaan
B belakang parang kalau diasah lagikan tajam
C sesat di hujung jalan kembali ke pangkal jalan
D hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

29 Peribahasa yang manakah **tidak** membawa maksud orang yang tamak?

A Besar periuk daripada kerak
B Seperti Belanda minta tanah
C Yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran
D Beri betis hendak paha

30 Pemuda itu telah menceritakan bahawa kunci utama kejayaannya ialah berkat usaha dan kerja kerasnya yang berterusan sejak dahulu. Perbuatannya ini ibarat

A berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak
B ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni
C sehari selembar benang lama-lama menjadi kain
D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 31 – 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

Dia teringat akan kata-kata ayahnya yang telah meninggal dunia tiga tahun yang lalu. Kata ayahnya, "Mei Ling, hidup kita adalah seperti pohon-pohon getah. Walaupun warna daunnya hijau semata, tetapi setiap hari batangnya ditoreh oleh kita sendiri. Itulah hidup kita, anakku. Kita belajar untuk hidup berbahagia walaupun terluka."

Mei Ling memekupkan muka dengan kedua-dua belah telapak tangannya. Sesudah usianya meningkat lima belas tahun kini, dia terasa kata-kata ayahnya tiga tahun lalu itu mengandung makna yang amat pejal dan padu.

"Apa yang dimenungkan itu, Mei Ling?"

Mei Ling tersentak. Serentak itu juga khayalannya terputus. Dia menoleh ke belakang, terpandang ibunya yang tersenyum nipis. Mei Ling cuba untuk membalas senyum ibunya itu, tetapi dia sendiri dapat merasakan senyumnya itu sengaja dibuat-buat.

"Ah! Alangkah pura-puranya aku!" desis hatinya kecilnya.

Nyonya Khoo merapat ke sisi anaknya, memegang bahu gadis sunti itu. Mei Ling mendongak, menatap wajah ibunya. Nyonya Khoo masih tersenyum, sesekali pula mengurut-urut rambut panjang anaknya itu. Mei Ling tunduk merenung lantai sewaktu sorot mata ibunya tepat-tepat melekat pada wajahnya. Dia seakan tidak berdaya menentang sorot mata ibunya itu; bagaikan ada sesuatu rahsia di sebalik mata yang agak cengkung itu.

"Salinlah pakaian sekolah itu, Mei Ling. Mari kita makan. Hari ini ibu masakkan bubur sayur untuk Mei Ling. Mei Ling tentu suka, bukan?" Nyonya Khoo memecahkan kesunyian yang tercipta sejenak tadi.

Mei Ling kembali mengangkat muka, kemudian bangun menggenggam erat tangan ibunya.

Sesudah menyalin pakaian sekolahnya, Mei Ling menuju ke dapur. Nyonya Khoo sudah siap duduk menghadap meja bulat yang agak usang, mengisi bubur sayur yang masih hangat itu ke dalam dua biji mangkuk; semangkuk untuknya dan semangkuk lagi untuk anak gadisnya, Mei Ling.

"Wah, hari ini selera saya berlainan sekali! Mencium bau bubur sayur ini pun rasanya sudah kenyang," seloroh Mei Ling.

Nyonya Khoo hanya menggeleng-geleng. Tersenyum mendengar kata-kata lucu anak gadisnya itu.

(Dipetik daripada cerpen Sehijau Warna Daun
Antologi Sehijau Warna Daun, Tingkatan 1,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

31 Apakah perkara yang difikirkan oleh Mei Ling?

A Nasihat ayahnya tentang erti kehidupan.
B Penderitaan yang ditanggung oleh ibunya.
C Kehidupan mereka selepas ayahnya meninggal dunia.
D Berfikir tentang ayahnya yang telah meninggal dunia.

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

32 **"Ah! Alangkah pura-puranya aku! desis hati kecilnya.**

Teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang ialah

A dialog.
B monolog dalaman.
C imbas kembali.
D pemerian

33 Berdasarkan petikan di atas, yang manakah antara berikut **bukan** perwatakan Nyonya Khoo?

A Gigih
B Prihatin
C Penyayang
D Bertanggungjawab

34 Yang berikut merupakan persoalan yang terdapat dalam cerpen ini **kecuali**

A kegigihan seorang remaja berbangsa Cina.
B tanggungjawab seorang ibu.
C konflik yang dihadapi oleh seorang remaja.
D kesejahteraan hidup sebuah keluarga.

35 Cerpen ini dimulakan dengan

A pesanan ayah Mei Ling sebelum meninggal dunia.
B lamunan Mei Ling ketika bersama-sama dengan ayahnya.
C perbualan antara Mei Ling dengan ibunya.
D kepulangan Mei Ling dari sekolah.

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 36 – 40
Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Syair Pesanan Ibu

Dengarlah anak ibu berpesan,
Lengkapkan diri dengan pelajaran,
Hanyalah itu jadi bekalan,
Untuk hidup di masa depan.

Ilmu itu pelindung diri,
Seperti kebun berpagar duri,
Seperti sinar intan baiduri,
Itulah tanda orang jauhari.

Hidupmu kini di masa remaja,
Bagaikan permata amat berharga,
Jangan jatuh ke lembah hina,
Nanti menyesal tidak berguna.
Syaitan menggoda bertambah gundah,
Jangan mengambil jalan yang mudah,
Jangan sekali mencuba dadah,
Kalau terjerat sesal tak sudah.

Jika masa telah terbuang,
Perginya tidak akan berulang,
Di hari tua sesal mendatang,
Mengingatkan waktu yang telah hilang.

Dunia bagai lautan dalam,
Gelombang besar karangnya tajam,
Di situ banyak kapal tenggelam,
Ramailah insan yang telah karam.

Ingatlah wahai anakku sayang,
Tanah indah pusaka moyang,
Jangan terlepas ke tangan orang,
Sedangkan kita miskin terbuang.

Zurinah Hassan

(Dipetik daripada antologi
Anak Seuntai Kata Untuk Dirasa, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

36 ***Jangan mengambil jalan yang mudah*** membawa maksud

A jangan mengambil risiko.
B jangan memandang rendah.
C jangan berfikiran singkat.
D jangan bertindak sesuka hati.

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my

http://www.andrewchoo.edu.my

37 Mengapakah ibu menasihati anaknya supaya menuntut ilmu?

A Agar menjadi insan mulia.
B Agar mendapat sanjungan.
C Agar menjadi pewaris bangsa.
D Agar dapat menawan hati orang.

38 Mengapakah kita disarankan agar menjaga tanah air sendiri?

A Supaya dapat menjadi bangsa yang maju dan berilmu.
B Supaya tidak dijajah lagi sehingga hidup miskin dan merempat.
C Supaya tidak dikatakan sebagai bangsa yang pemalas.
D Supaya tidak lagi menjadi suatu bangsa yang mudah diperdayakan.

39 Apakah tema syair di atas?

A Pedoman hidup untuk golongan remaja.
B Bimbingan untuk mempertahankan diri remaja.
C Ingatan kepada anak-anak muda untuk mencapai cita-cita.
D Nasihat kepada anak-anak muda untuk meningkatkan taraf hidup.

40 Berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam syair Pesanan Ibu **kecuali**

A kita hendaklah berhati waja.
B kita hendaklah menyumbang jasa kepada negara.
C kita hendaklah memanfaatkan zaman remaja.
D kita hendaklah melengkapkan diri dengan pengetahuan.

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah

http://www.andrewchoo.edu.my